

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional di sebalik pengenalan duit syiling baru, serta mengapa syiling 5 sen dan 10 sen adalah hampir sama saiz.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan duit syiling siri baharu untuk memudahkan penggunaan dan pengendalian duit syiling oleh orang ramai. Duit syiling siri baharu ini memanfaatkan inovasi terkini dalam ciri-ciri keselamatan dan kemajuan pengeluaran mata wang untuk menggantikan mata wang siri terdahulu secara berkala, selaras

dengan amalan pihak pengeluar mata wang.

Reka bentuk duit syiling siri baharu adalah berdasarkan ciri-ciri keselamatan terkini untuk menyukarkan pemalsuan serta mudah dikenal pasti oleh orang ramai, termasuk orang kelainan upaya penglihatan.

Duit syiling siri baharu adalah lebih kecil dan ringan. Spesifikasi baru dari segi saiz dan berat adalah selaras dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh BNM pada tahun 2009, termasuk perbincangan kumpulan fokus yang terdiri daripada orang ramai, peniaga dan pihak-pihak berkepentingan seperti institusi perbankan dan pengendali mesin wang tunai.

Duit syiling siri baharu (termasuk duit syiling 5 dan 10 sen) mempunyai spesifikasi teknikal yang berbeza dari segi saiz, berat, reka bentuk, warna dan sisi bagi membolehkan pengguna membezakan duit syiling tersebut dengan mudah. Nilai untuk setiap duit syiling juga jelas tertera berdasarkan tempaan pada permukaan duit syiling tersebut.